

SSB II ditentukan hari ini

DM 3 1 JAN 2002
Oleh G. MANIMARAN

KUALA LUMPUR 30 Jan. — Keputusan sama ada kerajaan akan menerima pakai kajian Sistem Saraan Baru (SSB) yang bakal dikenali sebagai "SSB II" akan ditentukan esok.

SSB II itu dijangka menekankan beberapa pendekatan baru yang lebih saksama di samping memperkenalkan ujian kompetensi bagi mengukur prestasi dan daya saing kakitangan awam.

Laporan kajian yang telah memakan masa hampir sembilan bulan itu, akan disampaikan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada sesi taklimat khas oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di Putrajaya, pagi esok.

Utusan difahamkan, Dr. Mahathir selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam akan menentukan masa depan SSB yang telah menimbulkan kontroversi dan rasa tidak puas hati kakitangan awam sejak pelaksanaannya 1 Januari 1992.

Kajian yang dikendalikan oleh JPA atas arahan Dr. Mahathir awal tahun lalu itu merupakan yang pertama dikendalikan oleh JPA secara menyeluruh dalam tempoh 10 tahun lalu.

Taklimat

"Memandangkan kajian ini meliputi kandungan menyeluruh, sesi taklimat khas diadakan untuk menerangkan kepada Dr. Mahathir," kata sumber kepada *Utusan* hari ini.

Menurut sumber itu lagi, jika Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan bersetuju dengan hasil kajian berkenaan, ia akan diterima pakai.

"Jika diterima ia akan dibawa kepada kabinet untuk kelulusan dan jika tidak dipersetujui dan kerajaan merasakan perlu dibuat kajian mendalam, termasuk pengubahsuaian, JPA akan mengambil tindakan susulan," kata sumber itu lagi.

Utusan juga difahamkan bahawa JPA mencadangkan penggunaan nama SSB II memandangkan sebahagian besar kandungan semasa SSB dikekalkan, kecuali empat perkara yang menjadi kontroversi.

SSB diperkenalkan pada tahun 1992 bagi

menggantikan skim perkhidmatan di bawah Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet (JKK I dan II) sejak 1976.

JPA telah melengkapkan kaji-

SSB II ditentukan hari ini

annya penghujung bulan lalu setelah Jawatankuasa Kajian Pengubahsuaian dan Penambahbaikan SSB yang ditubuhkan pada bulan Mac lalu memu-

lakan perbincangan melibatkan pelbagai pihak termasuk Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

Kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Kajian Pengubahsuaian dan Penambahbaikan SSB berikutan rasa tidak puas hati CUEPACS terhadap sistem saaraan itu.

CUEPACS mengemukakan tiga memorandum meminta supaya diadakan kajian menyeluruh mengubah suai dan menstruktur semula SSB merangkumi tiga aspek iaitu:

- penghapusan sistem jadual gaji matriks;
- penilaian prestasi yang dikaitkan dengan kenaikan gaji tahunan, dan;
- pengenalan semula gaji satu lapis.

Cadangan pengubahsuaian jadual gaji matriks dibuat supaya pergerakan gaji bergantung kepada kecekapan anggota berasaskan pengetahuan, kemahiran dan sikap anggota.

Hasil kajian itu dijangka memperkenalkan ujian baru untuk mengukur daya saing kalangan kakitangan awam, akan dibentangkan kepada kerajaan.

Ujian itu akan dikenali sebagai peperiksaan kompetensi.

Hasil kajian itu juga dipercayai mencadangkan tambahan gred jawatan bagi kenaikan pangkat selepas beberapa jawatan dijumpudkan ketika SSB dilaksanakan pada Januari 1992.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk

Jamaluddin Ahmad Damanhuri pernah berkata, langkah-langkah ke arah penambahbaikan itu bertujuan membuka ruang kemajuan kerjaya yang lebih baik kepada anggota perkhidmatan awam.

Dalam pada itu, Setiausaha Agung CUEPACS, Abd. Rahman Manan ketika dihubungi untuk mendapatkan reaksi mengenai perkembangan tersebut berkata, pihaknya yakin dengan hasil kajian berkenaan.

Jaminan

"Memandangkan JPA telah memberi jaminan bahawa kebanyakan cadangan kami diambil kira, CUEPACS yakin hasil laporan itu akan memanfaatkan kakitangan awam," katanya.

"Inilah kali pertama CUEPACS dijemput bersama untuk memberikan input dalam kajian itu," katanya.

Malah kata beliau, CUEPACS juga telah meminta kerajaan menyepadukan pelaksanaan kenaikan gaji 10 peratus sejak 1 Januari lalu dalam kajian berkenaan.

"Apabila kerajaan menerima laporan itu, CUEPACS berharap satu taklimat akan diadakan untuk pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja awam," katanya lagi.